

TAHAP PENGGUNAAN MULTIMEDIA DALAM PENGAJARAN BIDANG AL-QURAN: SATU KAJIAN RINTIS TERHADAP GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SARAWAK

Nur Afiqah Fatin binti Saipullah
cutez91@gmail.com

Mohd. Isa bin Hamzah (PhD)
isa_hamzah@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Peningkatan minat murid terhadap Bahasa Arab dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bidang al-Quran boleh dilakukan dengan melaksanakan proses PdPc berasaskan multimedia interaktif. Sehubungan itu, kajian rintis ini berhasrat untuk meninjau tahap penggunaan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah di Sarawak serta tahap kesediaan GPI ini menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi meninjau sama ada terdapat perbezaan dalam tahap penggunaan multimedia dan tahap kesediaan mengikut jantina GPI. Sampel untuk kajian rintis ini hanya seramai 32 orang GPI dari pelbagai sekolah rendah di Sarawak. Instrumen soal selidik Tahap Penggunaan Multimedia dalam bidang al-Quran mengandungi 22 item dan dua dimensi (tahap penggunaan dan tahap kesediaan). Tahap penggunaan diukur dengan 5 poin skala likert yang terdiri dari “Sangat Tidak kerap” kepada “Sangat kerap” manakala tahap kesediaan diukur menggunakan 5 poin skala likert yang terdiri dari “Sangat Tidak Setuju” kepada “Sangat Setuju”. Dapatan kajian menunjukkan kekerapan menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran adalah pada tahap sederhana sementara kesediaan GPI menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran adalah juga pada tahap sederhana. Selain dari itu, dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengikut jantina untuk tahap penggunaan dan tahap kesediaan. Implikasi kajian terhadap teori dan praktik tentang keperluan meningkatkan tahap penggunaan multimedia serta meningkatkan tahap kesediaan GPI dalam PdPC bidang al-Quran juga dibincangkan.

Kata kunci: *Guru Pendidikan Islam (GPI), multimedia, bidang al-Quran, sekolah rendah, Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc)*

PENGENALAN

Latar belakang kajian

Matlamat utama Kerajaan adalah untuk melahirkan generasi alaf baru yang mampu menangani cabaran abad ke-21 melalui pendidikan yang berkualiti dan cemerlang. Hasrat ini digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Dalam pendidikan abad ke-21, murid-murid dilatih dalam pelbagai kemahiran yang boleh digunakan untuk masa akan datang. Antara kemahiran yang diajar adalah kemahiran komunikasi, kolaborasi dan penyelesaian masalah berdasarkan realiti kehidupan sebenar. Untuk meningkatkan kualiti pendidikan abad ke 21 dan merealisasikan wawasan 2020, teknologi maklumat dan multimedia telah digunakan secara meluas dalam kalangan warga pendidik untuk proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).

Penggunaan multimedia telah digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan. Perkembangan multimedia berteknologi adalah untuk mempelajari kaedah terbaru bagi guru-guru untuk memuat naik sumber bahan bermultimedia yang menyokong konsep perkembangan konstruktiviti serta membenarkan guru-guru lebih fokus menjadi seorang fasilitator dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bersama dengan murid (Mukherjee, S. 2018).

Mengikut Mohd Firdaus et al. (2013), penggunaan pembelajaran secara maya merupakan satu fenomena yang biasa digunakan dalam e-pembelajaran termasuklah Bahasa Arab. Pembelajaran *Virtual Learning Environment (VLE)* merupakan salah satu platform pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan pembelajaran pelajar dalam menggunakan komputer dan internet. Satu contoh penggunaan perisian permainan bahasa al-Quran bagi menguasai perkataan Bahasa Arab dan tilawah al-Quran telah dilaksanakan oleh Hanis et al. (2014).

Bidang al-Quran merupakan salah satu bidang dalam subjek Pendidikan Islam yang wajib dipelajari oleh semua murid Islam Sekolah Rendah. Kebiasaannya bidang al-Quran ini diajar secara talaqqi musyafahah antara murid dan guru di mana murid mempelajari al-Quran terus dari sebutan guru. Murid membaca al-Quran dan guru akan membetulkan bacaan murid ataupun guru membaca lancar dan murid mengikut bacaan tersebut.

Terdapat kajian yang telah dibuat menggunakan perisian multimedia permainan Bahasa yang dinamakan SaF bagi meningkatkan penguasaan kosa kata dan terjemahan surah al-Fatihah seiring dengan kemajuan teknologi yang menggunakan komputer tablet sebagai medium pembelajaran (Muhammad Nazir et al. 2018). Dapatan kajian turut bersetuju bahawa bahan bantu teknologi dapat meningkatkan kefahaman dalam kalangan pelajar kerana memaparkan maklumat yang menarik, mempunyai elemen didik hibur melalui audio dan video serta mempunyai gambar grafik yang jelas (Ahmad Zulfiqar et al. 2018).

Di samping itu dengan berbantuan multimedia yang mempunyai elemen teks, audio dan video dapat menggalakkan murid lebih mencintai bidang al-Quran dengan sempurna. Bidang al-Quran berpandukan ayat-ayat al-Quran yang tetap dan tidak boleh diubah. Bahasa yang digunakan dalam ayat al-Quran mengikut lajhah Arab dan tidak boleh diubah kepada lajhah Melayu. Perkara yang penting dalam pengajaran ini ialah agar murid fokus dan minat terhadap Bahasa Arab dan mengenal huruf Hijaiyyah. Proses pembelajaran multimedia interaktif flash dapat meningkatkan minat murid (Andri et al. 2017).

Kajian yang dilakukan oleh Zabedah & Irfan (2014) membuktikan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berbentuk multimedia membantu menyelesaikan masalah kefahaman tajwid yang dihadapi oleh murid-murid Islam menerusi ujian pra dan pasca di mana dapatan ujian pasca menunjukkan bahawa terdapat peningkatan min.

Kajian-kajian lepas telah banyak membuktikan keberkesanan penggunaan multimedia dalam membantu murid untuk memahami topik-topik dalam bidang al-Quran. Guru Pendidikan Islam harus bersikap inovatif, mampu mencipta bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dan harus bersedia mengaplikasikan multimedia dalam PdPc.

Penggunaan multimedia untuk mengajar bidang Al-Quran dalam kalangan GPI berada pada tahap sederhana (Tengku Norhayati, 2015) dan juga berada tahap rendah (Maimun Aqsha & Md Yusoff 2011). Walaupun begitu terdapat juga penggunaan multimedia pada tahap tinggi (Azhar & Nurul Huda 2008). Dapatan kajian (Maimun et al. 2017) mendapati GPI kurang menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam bidang al-Quran kerana kesesuaian bidang al-Quran ini diajar secara talaqqi dan musyafahah. Mengikut Shah et al. (2017), sebagai perbandingan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam kalangan pensyarah Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi.

Sehubungan itu kajian ini berhasrat untuk mengenalpasti tahap penggunaan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) Sekolah Rendah di Sarawak. Selain itu, kajian ini juga berhasrat untuk meninjau tahap kesediaan guru-guru tersebut untuk menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran. Akhir sekali kajian ini turut meninjau jika terdapat perbezaan mengikut jantina dalam tahap penggunaan multimedia dan tahap kesediaan GPI Sekolah Rendah di Sarawak untuk menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran .

Multimedia dalam Pendidikan Islam

Penerapan teknologi itu sendiri dalam tasawwur Islam tidaklah menjadi satu pengharaman kerana hukum membawa suatu manfaat yang besar terhadap kemajuan manusia adalah harus (Muhammad Zulazizi, 2020). Walaubagaimanapun, penggunaan teknologi dalam multimedia ini haruslah dibuat mengikut perundangan Islam supaya tidak bercanggah dengan hukum syara'. Dalam konteks bilik darjah GPI seharusnya dapat memastikan penerapan multimedia dilaksanakan secara Islamik dan sekali gus menepati kehendak kurikulum Pendidikan Islam dalam bidang al-Quran. Menurut Mohid et al. (2018) PdPc bidang al-Quran di sekolah perlu dibuat secara fikrah, bertepatan dan terancang supaya proses pembelajaran dapat dijalankan dengan berkesan.

Penggunaan multimedia bagi pengajaran al-Quran Sekolah Rendah dalam kalangan Guru Pendidikan Islam

Multimedia digunakan secara meluas dalam PdPc Pendidikan Islam untuk bidang al-Quran. Contoh penggunaan multimedia dalam bidang al-Quran ialah aplikasi multimedia interaktif smart Iqra dalam penguasaan pembelajaran al-Quran. Kajian ini telah dilaksanakan oleh Nur Atiqah & Noornajihan (2018) di sebuah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma Pulau Pinang. Dapatan kajian tersebut telah membuktikan kejayaan murid dalam bacaan al-Quran dengan batuan multimedia.

Tahap penggunaan multimedia bagi bidang al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Tahap penggunaan multimedia bagi bidang al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah kemungkinan dipengaruhi oleh tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap

kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam menggunakan multimedia untuk mengajar bidang al-Quran Sekolah Rendah. Jika GPI mempunyai ketiga-tiga aspek ini pada tahap yang tinggi besar kemungkinan tahap penggunaan multimedia juga pada tahap yang tinggi.

Walaupun Teknologi Maklumat khususnya penggunaan multimedia di Malaysia telah berkembang pesat, namun ianya kurang digunakan dalam PdPc guru Pendidikan Islam di sekolah. Pandangan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri et al. (2004) yang menunjukkan bahawa tahap penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan Guru Pendidikan Islam adalah pada tahap yang rendah. Dapatan kajian turut disokong oleh kajian Maimun Aqsha dan Md Yusoff (2011) yang menyatakan tahap penggunaan multimedia dalam subjek Pendidikan Islam juga berada tahap rendah. Namun berbeza sedikit dengan dapat kajian Tengku Norhayati (2015) yang mendapati bahawa tahap penggunaan multimedia dalam subjek Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana. Bagaimanapun dapatan kajian yang dibuat lebih awal oleh Azhar dan Nurul Huda pada tahun 2008 menunjukkan tahap penggunaan multimedia dalam subjek Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi. Tahap penggunaan multimedia dalam kajian ini adalah tinggi disebabkan capaian internet yang kuat di lokasi kajian. Hal ini kerana capaian internet menjadi satu faktor yang amat penting dalam penggunaan multimedia di sekolah. Internet mengandungi bahan-bahan eletronik dan maklumat serta informasi yang terkini mengenai pengajaran yang dilakukan terhadap murid.

Tahap kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam penggunaan multimedia untuk mengajar bidang al-Quran Sekolah Rendah

Masih terdapat GPI yang belum mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc mereka walaupun hasrat kerajaan tentang penggunaan TMK dalam pengajaran sudah lama disebarkan. Antara masalah yang menyebabkan GPI kurang bersedia untuk menggunakan multimedia ialah kekurangan Bahan Bantu Mengajar yang dijual di pasaran.

Maimun et al. (2017) dalam kajiannya mendapati bahawa min keseluruhan bagi konstruk kesediaan GPI terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Pendidikan Islam adalah sederhana tinggi iaitu 3.92 dan sisihan piawai 0.43. Kajian yang dilakukan oleh Khodjiah et al. (2018) mendapati tahap kesediaan guru Sekolah Rendah Agama di Selangor terhadap penggunaan TMK adalah tinggi.

Selain daripada itu, terdapat juga kajian yang dibuat oleh Sharifah (2013) menyatakan bahawa guru Bahasa Arab boleh melaksanakan proses PdPc dengan berkesan sekiranya persekitaran multimedia yang merangkumi keperluan kognitif, afektif dan psikomotor pelajar yang mempunyai aras kecerdasan bahasa yang rendah dapat digunakan dengan cara yang betul melalui elemen-elemen dalam multimedia.

Perbezaan tahap penggunaan multimedia dalam bidang al-Quran dalam kalangan GPI dan tahap kesediaan GPI Sekolah Rendah menggunakan multimedia mengikut jantina

Pelbagai dapatan kajian mempunyai keputusan yang berbeza-beza dari aspek perbezaan tahap penggunaan multimedia dalam bidang al-Quran mengikut jantina. Kajian yang dilakukan oleh Siti dan Ab. Halim (2010) menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min persepsi antara guru lelaki (min= 4.04) dan perempuan (min=3.97) berdasarkan jantina bagi penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) berasaskan Teknologi Multimedia dalam pengajaran guru j-QAF. Dapatan kajian Maimun et al. (2017) menunjukkan bahawa peratus responden

perempuan adalah lebih berbanding dengan lelaki dalam tahap kesediaan menggunakan multimedia. Dapatan ini turut disokong oleh dapatan kajian Khodjiah et al. (2018) ini turut mendapati responden perempuan mencatatkan keputusan lebih tinggi sebanyak 109 orang (66.33%) berbanding lelaki sebanyak 101 orang (33.67%) dalam kajian kesediaan guru terhadap penggunaan multimedia. Kemungkinan GPI perempuan lebih banyak menggunakan multimedia dalam PdPc berbanding dengan guru lelaki kerana bilangan mereka lebih ramai. Kemungkinan juga GPI perempuan lebih kreatif dan berani menggunakan multimedia dalam PdPc.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian rintis yang dijalankan adalah kajian yang menggunakan reka bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan digunakan dalam pengumpulan data kerana kaedah ini merupakan kaedah yang sistematik, bebas dan mampu memberi maklumat yang relevan yang diperlukan dalam kajian ini. Tambahan pula kaedah ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana melibatkan responden yang banyak dalam mengukur pemboleh ubah bagi sesuatu penyelidikan (Krejcie & Morgan, 1970)

Pengumpulan data kajian rintis dianalisis menggunakan ujian statistik untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen. Item soal selidik perlu diuji kebolehgunaannya supaya instrumen yang digunakan adalah sesuai dan mampu menjawab persoalan kajian. Proses ini melibatkan kaedah kesahan dan kebolehpercayaan (Mohd Najib, 2003). Dalam kajian yang dilakukan ini, kebolehpercayaan instrument ditentukan dengan menggunakan ketekalan dalaman *Alpha Cronbach*. Nilai *Alpha Cronbach* 0.6 atau lebih adalah diterima. Jika kebolehpercayaan bagi mana-mana konstruk adalah rendah, penambahbaikan dan pemurnian akan dilakukan sebelum instrumen akhir ditadbirkan.

Lokasi , populasi dan sampel kajian.

Kajian rintis ini dijalankan di sekolah-sekolah rendah di Sarawak. Sejumlah 32 orang GPI telah menjawab soal selidik yang ditadbirkan dengan menggunakan google form.

Instrumentasi

Instrumen soal selidik Tahap Penggunaan Multimedia dalam bidang al-Quran mengandungi 22 item dan dua dimensi (tahap penggunaan dan tahap kesediaan). Tahap penggunaan diukur dengan 5 poin skala likert yang terdiri dari “Sangat Tidak kerap” kepada “Sangat kerap” manakala tahap kesediaan diukur menggunakan 5 poin skala likert yang terdiri dari “Sangat Tidak Setuju” kepada “Sangat Setuju”. Instrumen yang sama juga digunakan untuk meninjau samada terdapat perbezaan dalam tahap penggunaan multimedia serta tahap kesediaan GPI untuk mengajar bidang al-Quran menggunakan mengikut jantina.

Prosedur pengumpulan dan analisis data

Kelulusan dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia diperlukan sebelum proses pengumpulan data dapat dibuat. Selepas kelulusan

EPRD, kelulusan daripada PPD Kuching juga perlu diperolehi. Surat kelulusan ini perlu dilampirkan bersama surat iringan yang menyertakan pautan kepada *Google Form*. Data-data yang diperoleh daripada *Google Form* ini diterjemah dalam Bentuk *Microsoft Excel* dan seterusnya pengkaji akan memasukkan data-data responden ini ke dalam SPSS untuk dianalisis. Analisis data melibatkan analisis kebolehpercayaan instrumen, analisis deskriptif dan analisis inferensial untuk dua sampel bebas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Taburan Guru Pendidikan Islam mengikut Jantina

Dari jumlah keseluruhan 32 responden, bilangan guru Pendidikan Islam lelaki adalah 10 orang (31.3%) dan bilangan guru Pendidikan Islam perempuan adalah 22 orang (68.7%). Taburan guru Pendidikan Islam lelaki kepada guru Pendidikan Islam perempuan adalah hampir kepada nisbah 1: 2. Taburan guru Pendidikan Islam mengikut jantina adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Taburan guru Pendidikan Islam mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	10	31.3%
Perempuan	22	68.7%
Jumlah	32	100%

Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Ujian kebolehpercayaan telah dilaksanakan ke atas Instrumen Tahap Penggunaan Multimedia dalam kalangan Guru Pendidikan Islama untuk mengajar bidang al-Quran. Instrumen tersebut mempunyai dua dimensi iaitu tahap penggunaan dan tahap kesediaan. Keputusan ujian kebolehpercayaan Instrumen Kajian adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

	Bil. item	Min	SP	kebolehpercayaan
Keseluruhan Tahap Penggunaan Multimedia dalam bidang al-Quran	22	3.78	.48	.93
Dimensi tahap penggunaan	11	3.39	.71	.94
Dimensi tahap kesediaan	11	4.18	.39	.88

Dari Jadual 2, keputusan ujian kebolehpercayaan secara keseluruhan dan untuk kedua-dua dimensi menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi; keseluruhan Instrumen(.93), dimensi tahap penggunaan (.94) dan dimensi tahap kesediaan (.88). Oleh itu instrumen ini akan digunakan untuk kajian penuh tanpa perlu pindaan.

Tahap penggunaan multimedia dan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran

Skor min dan sisihan piawai guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia serta tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap penggunaan multimedia dan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran

	Min	SP
Tahap penggunaan multimedia untuk PdPc al-Quran dalam kalangan GPI	3.39	.71
Tahap kesediaan GPI untuk menggunakan multimedia dalam PdPc al-Quran	4.18	.39

Keputusan dari Jadual 3 menunjukkan tahap penggunaan multimedia dalam kalangan guru Pendidikan Islam (min = 3.39, SP = .71, skala 1-5) adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini menyokong kajian Tengku Norhayati (2015) yang turut mendapati tahap penggunaan multimedia dalam subjek Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana.

Selain dari itu keputusan dari Jadual 3 turut menggambarkan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran adalah pada tahap sederhana (min = 4.18, SP = .39, skala 1-5). Dapatan kajian ini turut menyokong dapatan dari kajian Maimun et al. (2017) yang juga mendapati bahawa min keseluruhan bagi konstruk kesediaan GPI terhadap penggunaan multimedia adalah sederhana tinggi.

Jadual 3 menunjukkan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran (min = 4.18, SP = .39) adalah lebih tinggi dari tahap penggunaan multimedia (min = 3.39, SP = .71). Walaupun tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan multimedia tinggi tetapi jika kelengkapan dan keperluan infrastruktur untuk melaksanakan menggunakan multimedia menjadi kekangan, maka tahap penggunaan multimedia akan menjadi rendah. Kemungkinan juga capaian internet yang menjadi satu faktor yang amat penting dalam penggunaan multimedia di sekolah agak rendah dan ini akan menjadi penghalang dalam penggunaan multimedia.

Perbezaan dalam tahap penggunaan multimedia dan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran mengiku jantina

Untuk mengenalpasti jika terdapat perbezaan dalam tahap penggunaan multimedia dan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran mengiku jantina, ujian –t tidak bersandar digunakan. Dapatan dari ujian tersebut dipaparkan dalam Jadual 4

Jadual 4: Keputusan Ujian-t untuk perbezaan dalam tahap penggunaan multimedia dan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran mengiku jantina

Pembolehubah Bersandar	Jantina	N	Min	SP	t	df	p (2 hujung)
Tahap penggunaan Multimedia GPI untuk PdPc al-Quran dalam kalangan GPI	Lelaki	10	3.33	.50	-.32	30	.20
	Perempuan	22	3.41	.79			
Tahap kesediaan GPI Untuk menggunakan multimedia dalam PdPc al-Quran	Lelaki	10	4.20	.25	.18	30	.40
	Perempuan	22	4.17	.44			

Keputusan Ujian-t seperti dalam Jadual 4 menunjukkan guru Pendidikan Islam perempuan mempunyai min yang lebih tinggi (min = 3.41, SP = .79) berbanding dengan guru Pendidikan Islam lelaki (min = 3.33, SP = .50) dalam tahap penggunaan Multimedia untuk PdPc bidang al-Quran. Ini menggambarkan guru Pendidikan Islam wanita lebih kerap menggunakan multimedia berbanding dengan guru Pendidikan Islam lelaki. Bagaimanapun perbezaan min yang digambarkan dalam Jadual 4 untuk tahap penggunaan multimedia untuk PdPc bidang al-Quran antara guru Pendidikan Islam lelaki dan perempuan adalah tidak signifikan ($F = -.32, p > .05$) Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Siti dan Ab. Halim (2010) yang turut mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min persepsi guru lelaki dan guru perempuan terhadap penggunaan Teknologi Multimedia dalam pengajaran guru j-QAF. Dengan hanya merujuk kepada min, dapatan kajian ini menunjukkan min tahap penggunaan multimedia guru perempuan adalah lebih tinggi dari guru lelaki. Kemungkinan guru perempuan lebih kreatif justeru lebih kerap menggunakan multimedia untuk PdPc bidang al-Quran berbanding guru lelaki.

Dari aspek kesediaan untuk menggunakan multimedia GPI lelaki mempamerkan min yang lebih tinggi berbanding dengan guru perempuan (Jadual 4). Dapatan ini tidak menyokong penemuan dalam kajian Maimun et al. (2017) yang menunjukkan bahawa peratus responden

perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan lelaki dalam tahap kesediaan menggunakan multimedia. Walaupun terdapat perbezaan min antara guru Pendidikan Islam lelaki dengan guru Pendidikan Islam perempuan dalam tahap kesediaan menggunakan multimedia untuk PdPc bidang al-Quran, namun perbezaan ini adalah tidak signifikan ($F=.18, p>.05$).

Pelbagai kajian telah dilakukan terhadap tahap penggunaan multimedia dalam kalangan guru Pendidikan Islam dan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia serta perbezaan mengikut jantina namun terdapat ketidaksepakatan dalam dapatan-dapatan yang diperolehi.

KESIMPULAN

Kajian-kajian lepas telah membuktikan persembahan multimedia dalam PdPc dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar (Said et al, 2015). Kajian yang dijalankan oleh Atiqah & Noornajihan (2018) di sebuah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma Pulau Pinang turut membuktikan kejayaan murid dalam bacaan al-Quran dengan bantuan multimedia. Pelbagai bentuk alat bantu mengajar serta pelbagai jenis permainan yang dibina berasaskan perisian multimedia tidak membosankan proses PdPc (Khairuddin & Mailok, 2020). Berdasarkan dapatan-dapatan dari pelbagai kajian, penggunaan multimedia digambarkan sebagai satu strategi pengajaran yang terbaik yang perlu diimplemen oleh guru Pendidikan Islam dalam PdPc bidang al-Quran bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran.

Walaupun Teknologi Maklumat khususnya penggunaan multimedia di Malaysia telah berkembang pesat, namun ianya kurang digunakan dalam PdPc guru Pendidikan Islam di sekolah. Kajian-kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan Guru Pendidikan Islam adalah pada tahap yang rendah (Ab. Halim Tamuri et al., 2004; Maimun Aqsha dan Md Yusoff, 2011) dan juga tahap sederhana (Tengku Norhayati, 2015).

Dua aspek yang dikaji dalam kajian ini merangkumi tahap penggunaan multimedia dalam kalangan guru Pendidikan Islam untuk PdPc bidang al-Quran dan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam untuk menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran. Tahap kesediaan seseorang guru Pendidikan Islam menggunakan multimedia bergantung kepada beberapa perkara seperti pengetahuan, kemahiran dan kreativiti. Walaupun kemungkinan tahap bagi ketiga-tiga perkara ini tinggi namun jika ada kekangan lain seperti kemudahan infostruktur, sokongan bahan dan perisian yang tidak mampu menyokong maka tahap penggunaan multimedia akan menjadi rendah atau sederhana sahaja. Selain dari itu capaian internet yang rendah juga menjadi penghalang kepada penggunaan multimedia secara berkesan di sekolah.

Aspek kesediaan guru Pendidikan Islam dalam konteks pengetahuan dan kemahiran menggunakan multimedia perlu diberi keutamaan untuk memastikan multimedia boleh digunakan secara meluas, menyeluruh dan berkesan dalam PdPc bidang al-Quran. Sehubungan itu, guru pendidikan Islam perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran terkini dalam menggunakan multimedia untuk PdPc bidang al-Quran. Sokongan-sokongan lain dari pihak sekolah seperti capaian internet, bahan bantu mengajar, juruteknik, perkakasan serta perisian perlu disediakan agar penggunaan multimedia boleh dijalankan secara optimum.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin & Zamri Abdul Rahim. (2004). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Mohd Abdul Nasir Abd Latif & Muhammad Hasbi Abdul Rahman. 2018. Visualisasi Maklumat Berkomputer Dalam Memperkasakan Pengajaran Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim Di Peringkat Sekolah Rendah. *Sains Humanika*: 79-86.
- Andri Samsul Rizal, Munawar Rahmat & Ahmad Syamsu Rizal. (2017). Efektivitas Multimedia Interaktif Flash pada Pembelajaran Pendidikan Agama Islam di Sekolah Menengah Pertama. *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim Vol. 14 No. 2*: 165-183.
- Nur Atiqah Abdul Aziz & Noornajihan Jaafar (2018). Penguasaan Pembelajaran al-Quran Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan khas Alma, Pulau pinang. *Jurnal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 2(2),24-36. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.16>. Diakses pada 29.8.2020
- Azhar Bin Muhammad & Nurul Huda Binti Abdul Wahab. (2008). Aplikasi ICT Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Semasa Latihan Mengajar. (T.tp)
- Hanis Najwa Shaharuddin & Maimun Aqsha Lubis. (2014). Pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Permainan Bahasa al-Quran Bermultimedia di Sekolah Kebangsaan di Malaysia. *ASEAN Studies on Educational Technology and Religious Technology and Religious Cultures (UKM-POLMED)*: 1-11.
- Khairuddin, N.S. & Mailok, R. (2020). Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam Mata Pelajaran Sejarah Menggunakan Teknik Mnemonik. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 7(1): 9-15.
- Khodijah Abdul Rahman, Siti Zaharah Mohid & Roslinda Ramli (2018). Kesediaan Guru Menggunakan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor. *Proceedings of 4th International Conference on Information Technology & Society*: 1-9.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*.30: 607-610.
- Maimun Aqsha Lubis & Md Yusoff Daud (2011). Pembelajaran yang inovatif Berbantuan ICT dalam Modul P&P Pendidikan Islam di Bilik Darjah. *Seminar International Politeknik Medan*: 1-10.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 1(1)*: 1-13.
- Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Shahrizal Nasir (2013). Pembangunan Lama Web EZ-Arabic Sebagai Alternatif Pembelajaran Maya Bahasa Arab bagi Pelajar Sekolah Rendah Malaysia. *Jurnal Teknologi*: 11-18.
- Mohid, S.Z., Ramli, R., Abdul Rahman, K., & Shahabuddin, N.N. (2018). Teknologi Multimedia dalam Pendidikan Abad 21. *Proceedings of the 5th International Research Management &*

Innovation Conference (5th IRMIC 2018). Palm Garden Hotel, Putrajaya 7 August 2018:1-9.

- Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid, Hafiza Ab Hamid, Mohd Firdaus Khalid, Mohammad Ashri Abu Hassan & Muhammad B. Daoh (2018). Pembangunan Perisian Multimedia Permainan Smart al-Fatihah. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*: 564-579.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 7: 14-26.
- Mukherjee, S. (2018). Role of Multimedia in Education. *Edelweiss Application Science Technology* 2: 245-247.
- Nur Atiqah Binti Abdul Aziz & Noornajihan Binti Jaafar (2018). Penguasaan Pembelajaran al-Quran Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart IQRA': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 2 (2)*: 24-36.
- Said, C.S., Umar., I.N., Muniady., B. & Desa, S. (2015). Aplikasi Teknologi Multimedia dalam Pembelajaran Sains Biologi: Kesan Terhadap Pelajar Berbeza Tahap Keupayaan Spatial. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 2: 15-25.
- Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa hamzah & Khadijah Abdul Razak (2017). Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(1): 29-41.
- Sharifah Fatimah Binti Wan Jamel (2013). Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Kes. Tesis PhD. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaysia.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2): 53-64.
- Tengku Norhayati bt Tengku Othman (2015). Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam di Negeri Selangor. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zabedah A. Aziz & Irfan Naufal Umar (2014). Keberkesanan Perisian Kursus Multimedia Pembelajaran Tajwid Terhadap Kefahaman Tajwid dan Bacaan al-Quran Murid. *The Online Journal of Islamic Education*: 1-10.